

Headline	PKS Uniten-KPT perlu kerja keras		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Feb 2018	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	31
ArticleSize	324 cm ²	Journalist	ZAZALI JAM IAN
PR Value	RM 19,386		



PKS Uniten-KPT perlu kerja keras

Oleh ZAZALI JAMIAN
 sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 20 Feb.- Skuad hoki PKS Uniten-KPT kini perlu bekerja lebih keras seandainya mahu menjulang gelaran Liga Hoki Wanita Malaysia (MWHL) musim ini selepas gagal memanfaatkan aksi menentang PDRM, hari ini.

Dalam aksi yang berlangsung di Stadium Hoki Tun Razak itu menyaksikan pendahulu liga, PKS Uniten-KPT hanya mampu meraih keputusan seri 2-2.

Keputusan seri itu menyaksikan PKS Uniten-KPT kini terus berkongsi 24 mata dengan *Blue Warriors* yang menghuni tangga kedua ketika aksi liga masih berbaik dua perlawanan.

Ketua jurulatih PKS Uniten-KPT, Lailin Abu Hassan mengakui amat kecewa dengan keputusan tersebut dan aksi pemain-pemainnya berikutan tidak dapat meraih kemenangan biarpun mengusai perlawanan.

"Fokus para pemain menurun selepas berjaya menjaringkan dua gol hingga membentarkan *Blue Warriors* mengambil kesempatan terhadap kelekaan mereka.

"Banyak peluang kami dalam perlawanan ini tetapi tidak disu-



PEMAIN PKS Uniten-KPT, Nur Aisyah Yaacob cuba merebut bola daripada pemain PDRM, Iran Hussin dalam perlawanan MWHL di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur, semalam.

dahkan dengan baik.

"Kini kami perlu menang baki dua perlawanan ini dengan menjaringkan banyak gol jika mahu kejuaraan liga menjadi milik kami," katanya selepas tamat per-

lawanan tersebut di sini, hari ini.

Dalam perlawanan tersebut PKS Uniten-KPT berjaya meledak dua gol pantas dalam tempoh tujuh minit awal menerusi Nurul Nabihah Mansur dan Fatin Shaf-

ka Muhammad Sukri pada minit kedua serta ketujuh.

Sementara dua gol *Blue Warriors* diperoleh menerusi jaringan Siti Zulaika Hussain dan Norbaini Hashim pada minit ke-19 serta 59.